

**AMALAN ZIKIR TAREQAT NAQSHABANDI MUJADDIDI AHMADI  
OLEH SHAYKH ISLAM NEGERI KEDAH HAJI WAN SULAIMAN B.  
WAN SIDIK (1872M-1935M).**

Prof Madya Dr Muhammad Khairi Mahyuddin  
*muhdkhairi@usim.edu.my*

Dr Ahmad Najaa Mohkhtar  
*najaa@usim.edu.my*

Dr Mohd Hamidi Ismail  
*ihamidi@usim.edu.my*

Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz  
*rashid@usim.edu.my*

Dr. Roslee Ahmad  
*iroslee@usim.edu.my*

*Fakulti Kepimpinan & Pengurusan  
Universiti Sains Islam Malaysia*

**ABSTRAK**

Amalan zikir adalah ruh ibadah yang amat penting untuk diamalkan oleh setiap muslim dalam kehidupan seharian. Shaykh Islam Negeri Kedah Wan Sulaiman Wan Siddik merupakan tokoh ulama sufi Melayu yang mempunyai peranan besar perkembangan Tareqat Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi di negeri Kedah. Beliau mengajar amalan zikir sebagai tarbiah perbersihan jiwa bagi mencapai makrifah Allah dan ibadah kepadaNya. Metodologi kajian ini ialah metode sejarah dan analisa kandungan teks. Objektif kajian pula ialah untuk menjelaskan pendekatan, pengaruh, sumber amalan zikir dalam tareqat Tareqat Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi yang diajar oleh Shaykh Islam Islam Haji Wan Sulaiman terhadap masyarakat Islam di zamannya. Hasil kajian mendapati bahawa amalan zikir dalam Tareqat Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi oleh Wan Sulaiman dipengaruhi oleh ajaran sufi shaykh Ahmad b Abd al-Ahad al-Sirhindi dalam kitab al-Maktubat dan Shaykh Muhammad Murad Abdullah al-Quzani dalam kitab Zayl al-Rashahat ‘ayn al-Hayat al-Musamma Nafais al-Saihat Fi Tazyil al-Baqiyat al-Salihah , bersumberkan al-Quran dan al-sunnah serta berpegang teguh dengan shariat Islam .

**Kata kunci:** zikir, tareqat, Wan Sulaiman, shariat

## Pendahuluan

Wan Sulaiman b. Wan Siddik (1872-1935) merupakan tokoh ulama sufi Melayu di negeri Kedah Darulaman yang hidup di zaman pentadbiran Sultan Abdul Hamid dan Tengku Mahmud. Beliau merupakan anak jati Kedah yang memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam dan tareqat Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi dikalangan masyarakat Islam Kedah. Beliau mendapat pendidikan di Mekah selama 20 tahun di Mekah. Antara guru yang mempengaruhi beliau dalam ilmu tareqah ialah Shaykh Muhammad al-Andakhawi al-Bukhari (w.1321H) dan Shaykh Muhammad b. Yusuf al-Khayyat (w. 1334H). (Abdul Manaff Saad 1976; Wan Shamsudin 1996). Semasa di Mekah, Wan Sulaiman telah diijazahkan sebagai khalifah ke 34 dalam tareqah Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi oleh gurunya, Shaykh Muhammad al-Andakhawi al-Bukhari.

Beliau pernah menjawat jawatan Kadi Kota Setar pada 1906M dan guru agama di Istana Kedah untuk mengajar Sultan dan Kerabat Diraja mengenai agama Islam. (Tajudin Saman 1993:153). Kemudian ke jawatan Ketua Kadi pada tahun 1910, pemanggu Shaykh Islam pada tahun 1918 dan Shaykh Islam kedah ke 3 pada tahun 1920.

Di Kedah, jawatan Shaykh Islam merupakan jawatan tertinggi dalam hirararki pentadbiran Islam dimana Shaykh Islam mempunyai peranan besar sebagai penasihat Sultan, ketua hakim, mengeluarkan fatwa, kuasa eksekutif dan perancang polisi yang melibatkan hal ehwal Islam.

## Metodologi

Metodologi Metodologi kajian ini mengaplikasikan metode sejarah dan analisa kandungan. Metode sejarah melibatkan kajian biografi Wan Sulaiman Wan Sidik. Manakala analisa kandungan pula ialah kajian interpretasi terhadap penulisan Wan Sulaiman yang berkaitan dengan amalan tareqat Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi terutama dari kitabnya *Nihayah al-Matlub Litasfiyyah al-Qulub*

## Sorotan literatur

Sebagai tokoh ulama melayu, Wan Sulaiman turut terlibat secara serius dalam perkembangan tareqat naqshabandi mujdidi ahmad pada masyarakat di negeri kedah. Tareqat dinisbah kepada shaykh Ahmad Said b. Abi Said (w.1288H) dan shaykh Ahmad b. Abd al-ahad al-sirhindi (1034H). Wan Sulaiman amat terpengaruh dengan ajaran tasawuf shaykh Ahmad Al-Sirhindi dalam kitab *al-Maktubat* dan Shaykh Muhammad Murad Abdullah Al-Quzani (1352H) dalam kitab *Zayl al-Rashahat 'ayn al-Hayat al-Musamma Nafais al-Saihat Fi Tazyil al-Baqiyat al-Salihat*

Pengaruh shaykh Ahmad sirhindi dalam pemikiran dan amalan Wan Sulaiman dalah jelas melalui kitab kitab tasawuf karangannya seperti *Hawd Al-Mawrud Fi Bayan Wahdah Al-Wujud*, (24 Rabi' Al-Awwal 1334H/ 29 Januari 1916M), *Nihayah Al-Matlub Litasfiyyah Al-Qulub*, Pada (30 Jamad Al-Akhir 1337H/ 2 April 1919M), *Futuhat Qadahiyyah Fi Bayan Haqiqah Al-Tariqah, Al-Naqshabandiyyah Al-Mujaddidiyyah Al-Ahmadiyyah Al-Mutabaqah Lil'ulum Al-cAsriyyah*. (17 Rabi' Al-Awwal 1343H/ 15 September 1924, *Nur Al-Sati' Wa Sayf Qati Wa Hujjah Qawiyyah Fi Bayan Tariqah 'alaih Naqshabandiah Mujaddiyyah*(28 Syawal 1345/ 30 April 1927M), *Wahuzzi Ilaiki Bijiz' Al-Nakhlati Tusaqit 'Alaiki Rataban Janiyya*(11 Zulhijjah 1347H/ 20 May 1929M).

Amalan tareqat Naqshabandi secara umumnya pernah dikritik sebagai bida'ah dan tiada sandaran daripada al-quran dan sunnah. Terdapat beberapa penulis mengkritik amalan naqshabandi yang diamalkan oleh masyarakat melayu seperti Abdul Rahman Abdullah (1998) *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Aliran* dan Mohd Rosdi Mohd Yusuf (2004) dalam *Naqshabandiyyah Al-Khalidiyyah Di Malaysia: Satu Analisa Kritis Berdasarkan Al-Qur'an & Al-Sunnah*. Namun begitu kajian yang mendalam pendekatan, pengaruh, sumber amalan zikir amalan tareqat Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi seperti yang terdapat dalam kitab *Nihayah Al-Matlub Litasfiyyah al-Qulub* kurang dikaji untuk melihat pengaruh Wan Sulaiman dengan tokoh tokoh ulama Naqshabandi terdahulu .

## Dapatan Kajian

Dalam tareqat Naqshabandi Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi , zikir merupakan sendi amalan asas sebagai cara untuk membersihkan hati dan mendapat ma'rifah Allah. Wan Sulaiman (1337H) telah menulis segala kaifiyat tariqah tersebut dalam risalah *Nihayah al-Matlub li Tasfiyyah al-Qulub*. Terdapat dua bentuk zikir asas dalam amalan tariqah tersebut :

1. Zikir *sirr* didalam hati tanpa suara dan huruf dengan menyebut kalimah الله atau lebih dikenali sebagai لفظ الجلالة , المفرد , اسم الذات, ذكر المفرد , اسم الأعظم لكل أسماء الله , secara *sirr* di dalam hati
2. Tahlil لا اله إلا الله

Bagi zikir yang bentuk yang pertama ,zikir *sirr* ialah zikir di dalam lubuk hati, tanpa suara. Ia di lakukan dengan menyebut dengan lidah hati kalimah Allah ditempat-tempat tertentu di dalam batin badan yang dikenali sebagai *latifah* .Bilangan zikir sir dalam setiap latifah diulangi pada tiap-tiap hari dengan ratusan kali atau lebih dengan riadah yang bersungguh-sungguh sehingga wujud ملكة راسخة (kebiasaan yang tetap) didalam hati untuk mudah ingat kepada Allah dan membersihkan hati daripada segala kotoran sifat-sifat mazmumah yang menghibab hati daripada *shuhud* serta ma'rifah Allah. Zikir Allah secara sir didalam hati dilakukan dengan memandang kepada kepada 7 latifah iaiatu dibawah. Wan Sulaiman (1337H) merujuk tingkatan zikir lataif dalam kitab *Zayl al-Rashahat Ayn Al-Hayat Almusamma Nafais Al-Saihat Fi Tazyil Al-Baqiyat Al-Salihah* oleh Shaykh Muhammad Murad al-Quzani (t.t) *Latifah Al-Qalbi, Latifah Al-Ruhi, Latifah Al-Sirri, Latifah Al-Khafiy, Latifah Al-Ahkfa, Latifah Nafs Al-Natiqah* dan *Latifah Kullu Al-Jasad*. @ *Qalab*

Cara berzikir *sirr* ialah dengan menggerakkan lafaz Allah sebanyak 100 kali pada semua *lataif* hati sanubari dengan memandang kearah setiap tempatnya dalam roh badan salik dengan mafhum الله أحد (Allah Esa) dan ليس كمثله شيء (tiada yang menyerupaiNya) (Wan Sulaiman 1337H). Dalam amalan zikir aliran Mujadidiyyah, tiada pergerakkan-pergerakkan badan seperti nyanyian, tarian, dan tepukkan gendang. Amalan zikir diamalkan dengan penuh khusyuk dan badan yang tetap tidak bergerak, hanya hati bertawajjuh ingat kepada Allah dan tangan meggerakkan buji tasbih mengira jumlah zikir. Hal ini selaras dengan Ahmad al-Sirhindi (t.t),

لا بد من الذكر في الإبتدأ فينبغي أن تتوجه الى القلب الصنوبري الشكل فإن تلك المضعة كالحجرة للقلب الحقيقي وأن تجري الإسم المبارك الله علي هذا القلب ولا تحرك عضوا من أعضائك في هذا الوقت بالقصد واقعد متوجها إلى

القلب بالكلية ولا تخيل صورة القلب بالقوة المتخيلة أصلا ولا تلتفت إليها قطعا فإن المقصود التوجه إلى القلب لا تصور صورته وينبغي أن تلاحظ معنى اللفظ المبارك الله بليس كمثلته شيء.

Tidak dapat tidak daripada ketika hendak berzikir pada permulaannya ialah dikehendaki bahawa engkau melihat kepada hati sanubari yang yang berbentuk, sesungguhnya hati tersebut diibaratkan sebagai bilik bagi hati haqiqi dan engkau mengerakkan nama Allah diatas hati tersebut dan jangan engkau menggerakkan satu anggota daripada anggota-anggota badan engkau pada waktu tersebut dengan sengaja.. dan engkau duduklah dengan memandang secara keseluruhan kepada hati tersebut , dan jangan engkau khayalkan bentuk hati tersebut dengan kekuatan khayalan engkau dan jangan engkau pandang kepadanya sama sekali, maka sesungguhnya tujuan tawajjuh kepada hati tersebut bukan menggambarkan bentuknya ,dan dikehendaki bahawa engkau ketika berzikir ingat makna Allah, tiada sesuatu yang menyerupaiNya Selepas selesai berzikir pada setiap latifah hati, maka salik hendaklah bermunajat di dalam hati dengan perkataan berikut (Wan Sulaiman 1337H).

الهي انت مقصودي ورضاك مطلوبي أعطني محبتك ومعرفتك

“Wahai Tuhanku Engkaulah tujuanku, kerediaan Engkau tuntutanmu, berilah KasihMu dan Ma’rifah Mu”

Menurut Wan Sulaiman (1337H) munajat tersebut penting diucapkan di dalam hati untuk menolak khawatir atau apa-apa lintasan hati kepada selain Allah serta menghasilkan maksud zikir. Kelebihan zikir *sirr* dalam hati dengan *Lafz al-Jalalah* (Allah) merupakan zikir secara azimah dan merupakan kaedah yang cepat sampai kepada maksud zikir iaitu *dawam al-Hudur*. Mengikut sejarah Mashaikh Naqshabandiyah terdahulu kecuali Shaykh Abdul Khaliq al-Ghajdawani sebelum Shaykh Baha’al din, mereka berzikir secara jahar (dengan suara yang boleh didengari dan berhuruf). Tetapi di zaman Shaykh Baha’adin setelah beliau menempuh pelbagai pelajaran dan kemuncak pengalaman rohani , beliau telah membuat *tajdid* method berzikir secara sir keseluruhannya secara azimah didalam hati kerana kelebihan cara tersebut sampai kepada *dawam al-hudur* dan ma’rifah Allah dengan lebih cepat dan selamat daripada riya’(Wan Sulaiman Hal ini kerana didalam lubuk hati sanubari tempat letaknya keimanan, rahsia-rahsia, cahaya-cahaya petunjuk dan ma’rifah Allah. Malah, roh segala ibadat dan penerimaan amal serta ganjaran pahala datang dari hati (al-Ghazzali 1995; al-Kurdi ).

Metod tersebut diteruskan serta ditajdidkan oleh Shaykh Ahmad Sirhindi (t.t) dengan memperincikan lagi keberkesannya dengan menjelaskan maqamat zikir lataif tujuh dan memtahrirkan beberapa maqamat *muraqabah* dengan penyulamann yang ketat amalan shariat dan iltizam bersungguh-sungguh dengan Sunnah Nabi S.A.W.

أن علو هذه الطريقة العلية ورفعة الطبقة النقشبندية إنما هي بواسطة إلتزام السنة السنية والاجتناب عن البدعة الشنيعة ولهذا اجتنب أكابر هذه الطريقة العلية عن ذكر الجهر وأمروا بالذكر القلبي...

Bahawa ketinggian tariqah ini dan kemuliaan ulamak Naqshabandi ialah dengan melalui iltizam dengan Sunnah Nabi S.A.W dan menjauhi daripad bid’ah, sebab itulah golongan ulamak tariqah ini menjauhi daripada zikir jahar dan mereka menyuruh kepada zikir qalbi secara sirr

Malah zikir *sirr* tidak terhasil matlamatnya melainkan seiring beristiqamah beramal dengan segala amalan wajib dan sunnat dalam shariat Islam, menjauhi perkara haram dan shubhah walaupun sedikit dengan merujuk kepada ulamak untuk menghindari amalan yang tidak jelas hukumnya dalam shariat. Hal ini jelas kerana zikir sahaja tanpa amalan shariat adalah sia-sia sahaja bahkan boleh membawa kepada meringankan shariat malah boleh membawa kepada kufur *zindiq* tanpa disedari. Menurut Wan Sulaiman syarat pada tariqat ialah mengikut Sunnah dan shariat Islam, jika berpuluh tahun sekalipun beriadah dengan ketiadaan itba', maka tiada faedah pada usahanya (Wan Sulaiman 1337H). Dan tariqah ini dibina atas itba', menjauhi bida'ah. Hal ini jelas daripada kata-kata Ahmad al- Sirhindi (t.t).

أن نفع الذكر وترتب الأثر عليه مربوط بإتيان احكام الشريعة فينبغي حسن الإحتياط في أداء الفرائض والسنن واجتناب المحرم والمتشبهه والرجوع إلى العمل في القليل والكثير والعمل بمقتضى فتواهم

Bahawa manfaat zikir dan kesan yang terhasil daripadanya terikat dengan pengamalan hukum shariat, maka dikehendaki mengamalkan dengan penuh ihtiyat amalan-malan wajib dan sunat, dan menjahui amalan haram, shubhat, dan beramal samaada sedikit atau banyak dengan merujuk (kesahihannya ) kepada fatwa ulamak

Amalan zikir *sirr* yang diamalkan dalam tariqah Mujadidiyyah mempunyai sandaran yang jelas daripada Sharak. Amalan zikir *sirr* ini ialah *zikir muqayyad* iaitu diamalkan secara beriringan setelah selesai mana-mana solat lima waktu . Maksimum amalan zikir *sirr* ialah tiga waktu dan minimumnya sekali .

Kewujudan zikir *sirr* di sebut dalam hadis, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

خَيْرُ الذِّكْرِ الْخَفِيِّ وَخَيْرُ الرِّزْقِ مَا يَكْفِي

Sebaik-baik zikir ialah zikir yang sembunyi dan sebaik-baik rizki yang mencukupi (al-Haythami. *Majma' al- Zawaid wa Manba' al-fawaid.*)

Rasulullah S.A.W bersabda,

يفضل الذكر الخفي الذي لا يسمعه الحفظة سبعين ضعفا . فيقول : إذا كان يوم القيامة وجمع الله الخلائق لحسابهم ، وجاءت الحفظة بما حفظوا وكتبوا . قال الله لهم : انظروا . هل بقي له من شيء ؟ فيقولون : رينا ما تركنا شيئا مما علمناه وحفظناه إلا وقد أحصيناه وكتبناه . فيقول الله تبارك وتعالى له : إن لك عندي خبئا لا تعلمه وأنا أجزيك به ، وهو الذكر الخفي .

Kelebihan zakir *zirr* yang tidak didengari oleh malaikat Hafazah ialah tujuh puluh kali ganda. Baginda S.A.W bersabda: Apabila berlaku hari Qiyamat dan Allah menghimpunkan semua makhluk untuk dihisab, dan malaikat Hafazah datang dengan apa yang mereka rekodkan dan tulis. Allah berfirman kepada mereka. Lihatlah dakah masih ada amalan yang tertinggal pada hambaKu. Mereka menjawab, Wahai Tuhan kami, kami tidak meninggalkan satu pun apa yang kami tahu dan rekodkan melaikan kami telah kira dan tulis. Allah berfirman, Bahawa bagi hambaku masih ada lagi baki amalan yang kamu tidak tahu dan hanyasanya aku sahaja yang membalasnya iaitu zikir *sirr* (Abu Ya'la al-Musili. *Musnab Abi Ya'la.*).

Manakala zikir bentuk kedua ialah amalan tahlil . Ia mempunyai dua bentuk kaifiyat amal iaitu secara khayali dan lisan. Tahlil secara khayali atau ruhi ini dipanggil dengan *nafi isthbat*. Caranya ialah berzikir secara sirr kalimah لا إله إلا الله dengan memejam mata kemudian menarik dan menahan nafas dengan memandang secara khayal dari bawah pusat mengeliligi susuk kiri dan bahu dan berhenti di atas hati sanubari kiri berupa huruf لا, kemudian menghadirkan kalimah nafis إله disebelah kanan dan terus berzikir isbat لا إله إلا الله didalam hati dan berhenti pada bilangan ganjil dengan bilangan yang telah ditetapkan. Aamalan ini diamalkan sebanyak 1300 kali sehari semalam selepas salik berjaya menempuh maqam *muraqabah ahadiyyah*. Amalan ini menurut tradisi Naqshabandiyyah diambil daripada Shaykh Abd al-Khaliq al-Ghajdawani (w.617H) yang menerima daripada Nabi Khidir A.S. Amalan ini diamalkan untuk menguatkan *shuhud* dan menafikan *shuhud* selain kepada Allah didalam hati yang merupakan tempat ma'rifah keesaan(Wan Sulaiman 1337H).

Setelah selesai tahlil tersebut, maka salik akan ditalqin dengan tahlil lisan yang sebut dengan suara iaitu kalimah لا إله إلا الله sebanyak 5000 kali sehari semalam secara rutin untuk mengtajdidkan iman dan tawhid kepada Allah. Amalan ini diberi apabila salik sudah menempuh maqam *muraqabah ma'iyah* (Wan Sulaiman 1337H).

Hal ini bertepatan dengan saranan Shaykh Ahamad al-Sirhindi (t.t)

ينبغي أن يجدد الإيمان بتكرار هذه الكلمة قال عليه الصلاة والسلام جددوا إيمانكم بقول لا إله إلا الله بل لا بد من تكرار هذه الكلمة في جميع الأوقات فإن النفس الأمارة في مقام الخبث دائما.

Dikehendaki bahawa ditajdidkan iman dengan memperbanyakkan mengulangi kalimah ini seperti yang disabdakan oleh Rasulullah S.A.W , perbaharuilah iman kamu dengan berkata *La ilahallah*, tidak dapat tidak kamu mengulanginya pada semua waktu, maka sesungguhnya Nafsu Ammarah (selama-lamanya )berada pada peringkat yang keji Amalan ini bersandarkan kepada hadis, bahawa Nabi SAW bersabda :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَدِّدُوا إِيمَانَكُمْ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ نُجَدِّدُ إِيمَانَنَا قَالَ أَكْثِرُوا مِنْ قَوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Rasulullah S.A.W bersabda, tajdidlah Iman kamu, Baginda S.A.W ditanya, bagaimana caranya, maka Baginda S.A.W menjawab perbanyakkanlah berkata *La ila ha illah* (al-Haythami. *Majma' al- Zawaid wa Manba' al-fawaid.* )

Apabila salik sudah mempuih maqam *muraqabah Aqrabiyyah*, maka diarahkan untuknya melakukan amalan berselawat kepada Nabi dan Para Keluarganya dengan lafaz

اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آل سيدنا محمد وبارك وسلم

Amalan *nafi isthbat*, *tahlil* dan *selawat* tidak terikat amalannya dengan waktu solat lima waktu, ia boleh dimalkan pada mana –mana waktu dalam sehari semalam (Wan Sulaiman 1337H).

Selain daripada amalan zikir asas diatas terdapat beberapa amalan lain yang ditekankan seperti memperbanyakkan solat-solat nawafil disiang dan malam hari, membaca al-Quran 3 juzuk sehari atau bagi yang tidak hafaz al-Quran membaca surah Yasin 41 kali atau didalam solat-solat sunat . Terdapat juga beberapa amalan tambahan lain yang boleh diamalkan iaitu mengkhatam

salawat *Dalail al-Khairat* seminggu sekali oleh Shaykh Abu 'Abdullah Muḥammad ibn Sulayman ibn Abu Bakr al-Jazuli al-Simlali (w.870H) , *Hizb al-Bahr* oleh Abu al-Hasan 'Ali ibn 'Abd Allāh al-Shadhili (w. 656H), doa *Hizib al-Yawm*, dan *Kibrit al-Ahmar* . Kesemua amalan tersebut di kira sebagai amalan tambahan sahaja (*amal idafi*) yang diamalkan terutama bagi salik yang telah mencapai maqam khalifah dan murshid (Wan Sulaiman 1337H).

Kepentingan amalan zikir sangat ditekankan sehingga sekiranya seseorang salik itu, tertinggal amalan zikir yang wajib diamalkannya pada setiap hari, maka dia hendaklah mengadakannya dengan mengulangi amalan zikir pada hari berikutnya dengan segera . Hal ini sangat merbahaya kerana ghaflah hati adalah sumber kepada melakukan maksiat yang ditegah oleh Allah. Dengan tertinggalnya amalan zikir menyebabkan salik terhibab hati dan terputus limpahan pertunjuk daripada Allah seperti yang di sebut oleh Ibrahim al-Dasuki bahawa:

ما قطع مرید ورده يوما إلا قطع الله عنه الإمداد في ذلك اليوم

Apabila seorang salik tertinggal amalan wiridnya(zikir) sehari, maka Allah Ta'ala memutuskan perberian kurnian (seperti tawfiq dan hidayah) kepadanya pada hari tersebut (Abdul Samad ,t.t)

Jelaslah bahawa dalam amalan aliran ini terdapat beberapa amalan yang bukan terdapat daripada asal tariqah Naqshabandiyyah tetapi diamalkan sebagai amalan tambahan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Kebanyakkan amalan dan kaifiat tersebut mempunyai sandaran yang diambil daripada al-Quran dan Sunnah dan amalan-amalan Ulamak Muktabar besar Islam.

## Kesimpulan

Daripada perbincangan ini didapati keseluruhan amalan zikir dalam Tareqat Naqshabandi Mujaddidi Ahmadi oleh Wan Sulaiman dipengaruhi oleh ajaran sufi shaykh Ahmad b Abd al-Ahad al-Sirhindi dalam kitab al-Maktubat dan Shaykh Muhammad Murad Abdullah al-Quzani dalam kitab Zayl al-Rashahat 'ayn al-Hayat al-Musamma Nafais al-Saihat Fi Tazyil al-Baqiyat al-Salihah bersumberkan al-Quran dan al-sunnah serta berpegang teguh dengan shariat Islam .

## Rujukan

- Abdul Manaff Saad. 1976. Suatu Kajian Ringkas Mengenai Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik (1874M-1935M). KDSS Volume 7, (July).
- Ahmad bin Abd al-Ahad. t.t.Al-Maktubat Istanbul: Hakikat Kitabevi
- Al-Quzani, Muhammad Murad bin Abdullah. t.t Zayl Rashahat . Istanbul: Hakikat Kitabevi
- Al-Falimbani, Abd al-Samad. t.t Siyar al-Salikin. Thailand: Maktabah Muhammad Nahdi wa Awladuhu
- Al-Kurdi , Muhammad Amin. 1994. Tanwir al-Qulub fi Mua'amalah callam al-Ghuyub. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Musili.Abu Ya'la . Musnad Abi Ya'la.. Dimasq: Dar al-Makmun liTurath.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad. 1995.Ihya' al-Ulum al-Din. Bayrut: Dar al-Fikr
- Al-Haythami Nur al-Din. Majma' al- Zawaid wa Manba' al-Fawaid. : Bayrut: Dar al-Fikr

- Wan Sulaiman Wan Sidek. 1337H. Inilah Risalah Bernama Nihayah al-Matlub li Tasfiyyah al-Qulub. Pulau Pinang: Persama Press
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 1996. Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek (1874-1935). In Biografi Ulama Kedah Darul Aman. Alor Setar, Kedah: lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.